

# Bakau lindungi pesisir negeri Kedah

**YAN** - Bencana tsunami 21 tahun lalu telah mengakibatkan kemusnahan hutan paya bakau di Kedah, yang berfungsi sebagai benteng semula jadi, habitat hidupan laut dan sumber ekonomi komuniti pesisir.

Penolong Pengarah Sivikultur dan Pemelihara Hutan Jabatan Perhutanan Kedah, Mohd Rajihan Rahim berkata, usaha pemuliharaan giat dijalankan, terutamanya di pesisiran Sungai Merbok dan Sungai Limau di Yan.

“Pokok bakau penting bukan sahaja sebagai perlindungan daripada ombak, malah menyumbang kepada ekonomi masya-

rakat dengan menjadi habitat ketam, udang dan ikan,” katanya dalam program penanaman bakau anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bersama Kelab Media Elit Kedah (KMEK) di Sungai Limau, di sini baru-baru ini.

Pengarah PERKESO Kedah, Rak Boon Tan Rat berkata, inisiatif ini sepatutnya dicontohi oleh agensi lain dalam usaha memelihara ekosistem dan mengurangkan risiko bencana.

“Penanaman pokok ini adalah sebahagian program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami,” katanya.



**Peserta penanaman bakau sempena Jalinan Mesra PERKESO dan Kelab Media Elit Kedah di Sungai Limau, Yan baru-baru ini.**